

DEMYSTIFICATION OF THE HARLEM PENGLIBATAN SULTAN ABDUL SAMAD DALAM MAJLIS MESYUARAT NEGERI SELANGOR, 1877-1898: SUARA DAN KERAJAAN

Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria¹

Abstract

This work is submitted as an effort to revise the academic opinion on the involvement of Sultan Abdul Samad in the development of the Selangor administration (1874-1898), hitherto referred to as considered as weak, passive, and indolent, and present a more favourable view. Primary sources (Colonial Office, Minutes of Selangor Council and Selangor Secretariat Files) as well as secondary sources were used to rectify previous interpretations. Overall, Sultan Abdul Samad played a significant role in the development of the Selangor administration and was an active member, as well as President of the Selangor State Council. Sultan Abdul Samad discussed, supported and shared his opinions on the implementation of the Residential system, Islam, land, tariffs, the courts, appointment of Penghulus and Chinese Kapitans, allowances and pensions, with the Residents and members of the Selangor State Council. In addition, the presence of the Sultan in the council was encouraging, especially in Jugra. Even though Sultan Abdul Samad was often absent from the meetings in Kuala Lumpur, matters pertaining to the meeting would be submitted to him to obtain his assent. Therefore, evidence of the Sultan's active involvement negates the previous and erroneous assumptions on his character as being weak, passive and indolent.

Keywords: Sultan Abdul Samad, Selangor State Council, British Resident of Selangor, Selangor Royals, Non Selangor Royals.

Bermula Oktober 1874, British menempatkan Residen dan Penolong Residen di Selangor. Peranan Residen dapat disimpulkan kepada dua pendekatan: pendekatan secara tersurat; dan tersirat. Pendekatan secara tersurat dirujuk seperti yang terkandung dalam Perjanjian Pangkor 1874 iaitu sebagai Penasihat British. Namun begitu, perjanjian ini tidak melibatkan Selangor kerana penguasaan British terhadap Selangor berbeza dengan Negeri-negeri Melayu (NNM) yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu (STM). Selangor secara mutlak terikat dengan British apabila dimasukkan ke dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada Julai 1895 yang dikuatkuasakan pada Julai 1896. Pendekatan secara tersirat pula peranan Residen didapati sebagai Pentadbir dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.

Penguasaan British di Selangor didapati dalam bentuk perbincangan antara Andrew Clarke, Gabenor Negeri-negeri Selat (NNS) (1873-1875), dengan Sultan Abdul Samad, Sultan Selangor keempat (1857-1898). Setelah mengadakan perbincangan, Sultan Abdul Samad secara terpaksa menerima penempatan Frank Athelstane Swettenham

sebagai Penasihat British Tak Rasmi dalam pentadbiran raja baginda pada September 1874.

Sultan Abdul Samad memasyhurkan British diberi tanggungjawab menjalankan pentadbiran di Selangor supaya mencapai kemajuan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial serta menjaga keamanan pada 18 November 1874. Dari sudut ini, satu kemusykilan telah ditemui iaitu pada peringkat awal, Sultan Abdul Samad tidak menyenangi penempatan Swettenham tetapi pada November, baginda telah menerima dan memasyhurkan British membantu menjalankan pentadbiran Selangor. Satu kemusykilan yang patut dirungkaikan sama ada Sultan Abdul Samad mempergunakan British untuk mencapai hasrat baginda iaitu membangunkan Selangor dari aspek politik, ekonomi dan sosial atau Sultan Abdul Samad menerima penempatan ini secara semborono sahaja dan malas berjuang menentang British.

Berdasarkan analisis yang diperoleh daripada sumber primer dan sekunder, kemusykilan ini didapati lebih ke arah Sultan Abdul Samad mempergunakan British berbanding menerima secara semborono sahaja. Kemusykilan ini boleh dirungkaikan berdasarkan permasalahan kajian yang dikemukakan hanya dikhususkan penglibatan Sultan Abdul Samad dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMNS). Namun begitu, kemusykilan ini turut dapat dirungkaikan dengan penglibatan Sultan Abdul Samad yang lain sepanjang perkembangan pentadbiran Selangor (1874-1898). Cuma tulisan ini dikhususkan kepada penglibatan Sultan Abdul Samad dalam MMNS yang dihadiri oleh baginda sepanjang 1877 hingga 1898. Antaranya, membincangkan penglibatan awal Sultan Abdul Samad sebelum dan selepas dilantik sebagai Presiden MMNS bermula 2 September 1883, pelaksanaan sistem Residen, pentadbiran Islam, isu berkaitan dengan tanah, lesen, cukai, tingkah laku dan mahkamah, pelantikan Penghulu dan Kapitan Cina dan pemberian elaun dan pencen kepada kerabat raja dan bukan kerabat raja Selangor.

Tujuannya untuk mendapatkan bukti yang lebih jelas dan teliti supaya kemusykilan ini dapat mengubah persepsi Sultan Abdul Samad ke arah yang lebih positif. Oleh itu, tajuk tulisan ini "Suara dan Kerajaan" bertetapan dengan permasalahan kajian yang akan dirungkaikan berdasarkan sumber primer. Untuk menilai dan mengubah tanggapan terhadap Sultan Abdul Samad dari negatif kepada positif memerlukan kajian. Oleh itu, tulisan ini akan membuktikan Sultan Abdul Samad adalah seorang Sultan yang aktif dan mempunyai hasrat yang tinggi supaya kerajaan baginda mencapai kemajuan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial yang memberangsangkan khususnya dalam penglibatan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor.

Permasalahan kajian ini dipilih bagi membandingkan pendapat pengkaji bertaraf autoriti terutamanya Emily Sadka dan John Michael Gullick kerana berdasarkan rekod primer, Sultan Abdul Samad mahupun kerabat raja Selangor memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan pentadbiran Selangor. Dalam pada itu, mereka turut memberikan sumbangan yang amat menggalakkan dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, tempoh yang dinyatakan amat penting bagi British untuk mendapat dan mengambil hati golongan raja mahupun bukan dalam melaksanakan pentadbiran secara baik dan efisien.

Antara kajian lepas yang dipilih adalah tulisan Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, membincangkan perkembangan pentadbiran NNM (Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan) sepanjang 1874 hingga 1895 dengan begitu baik. Sadka turut menggarap bab khusus tentang MMN. Rekod primer yang digunakan oleh Sadka turut memuaskan. Namun begitu, selepas diteliti secara mendalam, tulisan Sadka tidak

menonjolkan peranan dan sumbangan golongan raja di NNM dengan baik. Tulisan ini seolah-olah menunjukkan golongan raja di NNM tidak memainkan peranan dan memberikan sumbangan dalam perkembangan pentadbiran tempatan. Begitu juga dengan tulisan Sadka yang berjudul "State Councils in Perak and Selangor, 1877-1895", turut tidak menonjolkan penglibatan Sultan dan kerabat raja di Perak dan Selangor dalam perjalanan MMN masing-masing. Dalam tulisan ini, Sadka menggarapkan perjalanan MMN di Perak dan Selangor dengan baik sehingga memasukkan dapatan ini ke dalam karyanya berjudul *The Malay Protected State 1874-1895*.

Gullick, *A History of Selangor 1766-1939*, membincangkan Kesultanan Selangor dengan baik dan jelas. Sumber primer dan sekunder yang digunakan turut baik. Namun begitu, Gullick kurang menyerlahkan keistimewaan yang terdapat dalam pentadbiran raja Sultan Muhammad dan Sultan Abdul Samad. Dalam konteks pentadbiran raja Sultan Abdul Samad (1857-1898), Gullick tidak menyentuh mengenai penglibatan baginda yang amat penting dalam perjalanan MMNS.

Ernest Chew, "The First State of Council in the Protected Malay States", membuktikan MMN yang pertama dilaksanakan di Selangor. Gullick, *Rulers and Residents: Influence and Power in the Malay States 1870-1920*, turut menyatakan MMN yang pertama dilaksanakan di Selangor. Namun begitu, kedua-dua pengkaji itu tidak merungkaikan penglibatan Sultan Abdul Samad mahupun kerabat raja Selangor yang terlibat dalam MMNS bermula April 1877.

Seterusnya, kajian lepas mengenai Sultan Abdul Samad bersifat lemah dan malas ditafsirkan oleh Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu*, Richard James Wilkinson, *A History of the Peninsular Malaya with Chapters on Perak and Selangor* dan Richard Olof Windstedt, "A History of Selangor". Rata-rata tulisan ini mentafsirkan pentadbiran raja Sultan Abdul Samad sebelum British menempatkan Residen di Selangor adalah lemah dan baginda dikatakan mempunyai perwatakan yang buruk. Namun begitu, tafsiran mereka didapati kurang tepat kerana berdasarkan rekod primer menunjukkan Sultan Abdul Samad mempunyai sistem pentadbiran raja Selangor yang baik. Dalam pada itu, Sultan Abdul Samad memiliki perwatakan yang baik dan baginda didapati seorang yang berpandangan jauh dalam menentukan hal ehwal politik di Selangor. Kemudian, selepas British menempatkan Residen di Selangor, penglibatan Sultan Abdul Samad dalam pentadbiran ini menunjukkan baginda seorang Sultan yang berbeza seperti mana tafsiran yang dibuat oleh Gullick, Wilkinson dan Windstedt.

Untuk membandingkan kenyataan dan tafsiran pengkaji terdahulu yang bertaraf autoriti, kaedah tematik dan analitikal digunakan untuk merungkai permasalahan kajian yang dikemukakan supaya bertepatan dengan perbincangan tulisan ini. Dalam pada itu, penggunaan sumber primer adalah penting untuk mewujudkan pandangan baru. Tunjang sumber primer tulisan ini adalah *Minutes of Selangor Council* (MSC), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUKNSEL) dan *Colonial Office* (CO). Untuk perbincangan mengenai MMNS, mereka didapati tidak menggunakan sumber MSC dan PSUKNSEL dengan begitu teliti.

Berdasarkan sumber yang dinyatakan, minit MMNS didapati lengkap bermula 1877 hingga 1941. Oleh itu, tulisan ini penting dilaksanakan kerana dalam rekod yang dinyatakan mencatatkan penglibatan golongan raja Selangor (terutamanya Sultan Abdul Samad) dalam pentadbiran Selangor khususnya MMNS sepanjang 1877 hingga 1898. Selain itu, tempoh ini amat penting bagi golongan raja Selangor kerana tanpa kerjasama

mereka, British tidak dapat melaksanakan pentadbiran dengan baik. Di samping itu, penglibatan Sultan Abdul Samad sangat penting kerana baginda merupakan 'di sebalik tabir' Selangor menjadi lebih moden dan sistematik daripada sebelumnya dengan menggunakan medium pentadbiran British.

Penubuhan dan Fungsi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor

MMNS adalah yang pertama ditubuhkan di STM.² Persidangan pertama diadakan pada 18 April 1877.³ Menurut Buyong Adil, beliau menyatakan Sultan Abdul Samad yang menubuhkan Majlis Mesyuarat di Selangor.⁴ Namun begitu, menurut Sadka dan turut disokong oleh Gullick, MMN adalah cadangan daripada Hugh Low, Residen British Perak kedua (1877-1889), dan penubuhan ini turut diaplikasikan di Selangor.⁵ Hal ini tidak begitu jelas sama ada Sultan Abdul Samad yang mencadangkan MMNS ataupun sebaliknya. Walaupun begitu, hal yang begitu jelas adalah Sultan Abdul Samad memperkenankan MMNS ditubuhkan dan diadakan di Selangor bermula 1877. Ini dapat dibuktikan menerusi surat Sultan Abdul Samad bertarikh 19 Mac 1877:

Maka adalah dengan kesukaan Tuan Governor Besar Sir William Francis Drammond Jervois, C. B. K. C. M. G. Yang memerintah tiga buah negeri Singapore, Pulau Pinang dan Malacca yang ada kaparchayaan chukop di dalam akal dan pengtahuan sahabat Kita, maka Kita membenarkan be-berapa Council supaya boleh sahabat Kita membuat segala anggong seperti yang ter-sebut di-dalam surat itu. (PSUKNSEL NATIVE 118/74 19 Mac 1877)

Berdasarkan kerjasama Sultan Abdul Samad, William Cleaver Francis Robinson, Gabenor NNS (1877-1879), menyatakan MMNS dijalankan dengan begitu baik pada 1877.⁶ Robinson turut menyatakan MMNS akan bertambah baik pada masa hadapan. Sadka menggarap fungsi MMN dengan begitu baik dan menyimpulkan fungsi majlis ini bertindak sebagai Badan Legislatif dan Eksekutif. Dapatan Sadka didapati berasas kerana majlis ini membincangkan hal yang berkaitan dengan perundangan dan pelaksanaan itu dijalankan berdasarkan kata sepakat dalam MMNS. Bagi Eksekutif pula, Sultan dikehendaki menurunkan titah baginda sama ada seseorang pesalah itu dikenakan hukuman atau sebaliknya.

Segala perbincangan dalam MMN akan dirujuk dengan Sultan terlebih dahulu sebelum persidangan ini dimulakan. Selepas dibincangkan dalam MMN, keputusan itu akan dipanjangkan kepada Gabenor NNS untuk dipersetujui atau sebaliknya. Namun begitu, peranan Sultan didapati penting kerana sebelum dipanjangkan kepada Gabenor NNS, isu tersebut akan diperkenankan oleh Sultan terlebih dahulu. Perkenan ini dirujuk sebagai *Sultan-in-Council* supaya isu yang dibentangkan dalam MMNS dapat dipanjangkan ke Gabenor NNS untuk dinilai.⁷ Menurut Jagjit Singh Sidhu, Sultan Abdul Samad memperkenankan setiap pelaksanaan British di awal permulaan persidangan ataupun di istana baginda.⁸ Ini merupakan sebahagian tugas Sultan Abdul Samad selaku Sultan Selangor. Kenyataan Jagjit ini membuktikan peranan Sultan Abdul Samad amat penting dalam perkembangan pentadbiran Selangor khususnya dalam MMNS.

Dalam pada itu, Sultan Abdul Samad berhak memilih, melantik dan memperkenankan ahli MMNS untuk diserap masuk ke dalam persidangan yang akan diadakan. Sultan Abdul Samad turut memberi "Surat Kuasa" kepada mereka yang dilantik. Antaranya, John Pickersgill Rodger bagi pihak Pegawai British, Raja Bot bagi

pihak kerabat raja Selangor, Raja Hassan bagi pihak bukan kerabat raja Selangor dan Yap Ah Loy, Kapitan Cina ketiga (1868-1885), bagi pihak orang Cina.⁹

Hal mengenai isu kewangan dan pentadbiran tidak perlu dipertikaikan kerana Sultan Abdul Samad telah membenarkan dan memperkenankan Residen British Selangor bertindak dengan sebaik mungkin. Sultan Abdul Samad menyatakan "buatlah apa yang dirasakan baik, kamu (Residen British Selangor) bertanggungjawab mendapatkan hasil dan membelanjakan apa yang patut" (PSUKNSEL 493/82 14 October 1882). Dalam pada itu, Pemasyhuran Sultan Abdul Samad yang dibuat pada 18 November 1874 dan 23 Februari 1876 jelas menunjukkan baginda membenarkan dan memperkenankan Residen British Selangor bertanggungjawab dalam membangunkan politik, ekonomi dan sosial di Selangor.¹⁰ Sultan Abdul Samad bertindak sedemikian kerana berhasrat membangunkan kerajaan baginda.

Hal mengenai cop mohor untuk diletakkan ke atas dokumen sebagai tanda perkenan Sultan Abdul Samad pula disimpan oleh baginda sendiri dan dijaga oleh Bahak, Setiausaha baginda. Cop mohor Sultan Abdul Samad disimpan di dalam kotak yang mempunyai dua kunci.¹¹ Satu kunci dipegang oleh Bahak manakala satu lagi dipegang oleh Pemungut Cukai dan Majistret Kuala Langat (1877-1889)/Pegawai Daerah Kuala Langat (1889-1898). Dalam pada itu, cop mohor Sultan Abdul Samad dilakarkan ke atas dokumen Regulasi yang diaplikasikan di Selangor yang boleh didapatkan dalam Warta Kerajaan Selangor (selepas NNMB berkuat kuasa pada 1896, amalan ini tidak dilaksanakan lagi).¹² Sekaligus menunjukkan cop mohor masih disimpan oleh Sultan Abdul Samad dan bukannya Pegawai British.

Residen British tidak akan mengusulkan isu yang dikemukakan kepada Gabenor NNS secara semborono sahaja. Mereka akan berbincang antara satu sama lain untuk mendapat satu kata putus supaya perbincangan itu dapat dilaksanakan dengan baik. Sepanjang perjalanan MMNS, Sultan Abdul Samad dan ahli lain sering melontarkan pandangan dan bersetuju antara satu sama lain sekiranya pendapat itu didapati relevan. Sekiranya majoriti tidak bersetuju dengan cadangan masing-masing, isu itu akan ditangguhkan dan dikaji dengan lebih lanjut.

Sepanjang 1877 hingga 1898, Sultan Abdul Samad bersama-sama berbincang dengan beberapa Pegawai Kerajaan: Pegawai British, kerabat raja Selangor, bukan kerabat raja Selangor dan Kapitan Cina dalam persidangan MMNS. Pegawai British: Residen; William Bloomfield Douglas (1887-1882), Swettenham (1883-1889), William Edward Maxwell (1889-1892) dan William Hood Treacher (1892-1896) manakala Pemangku pula; Rodger (ketika pentadbiran Swettenham: 1884-1886 dan ketika pentadbiran Maxwell: 1891), Ernest Woodford Birch (1892) dan Henry Conway Belfield (1897). Dalam pada itu, C. H. A. Turney, Pemungut Cukai dan Majistret Langat (1882), pernah mengendalikan MMNS ketiga puluh satu yang diadakan pada 28 April 1882.

Kerabat raja Selangor yang dilantik dalam MMNS dipilih berdasarkan kedudukan mereka yang amat penting dalam pentadbiran Selangor. Mereka adalah Raja Kahar yang menduduki kerusi MMNS pada 12 Jun 1877; Tengku Panglima Besar Raja Berkat, Tengku Panglima Besar Selangor ketiga (1857-1887) (Tunku Panglima Raja Berkat), pada 12 Jun 1877; Raja Yaakob pada 27 Februari 1879; Raja Laut pada 28 Februari 1881; Raja Muda Musa pada 2 September 1883 (selepas meletak jawatan Presiden kerana beliau didapati tidak sihat); Raja Muda Suleiman pada 16 Februari 1885 (menyandang jawatan Raja Muda Selangor keenam pada Disember 1887-Februari 1898); Raja Bot pada 18 Disember 1888; dan Tengku Panglima Besar Raja Mahmud, Tengku Panglima Besar Selangor

keempat (1889-1890), pada 8 Januari 1890. Di samping itu, bukan kerabat raja Selangor turut dilantik sebagai ahli MMNS iaitu Syed Zain menduduki kerusi persidangan ini pada 18 April 1877 dan Raja Hassan pula pada 18 September 1880.

Sementara itu, Kapitan Cina yang dilantik dan menduduki kerusi MMNS adalah Yap Ah Loy pada 18 April 1877; Yap Ah Shak, Kapitan Cina keempat (1885-1890), pada 22 Oktober 1885; dan Yap Kwan Seng, Kapitan Cina kelima (1890-1902), pada 8 Januari 1890. Orang kuat Kapitan Cina turut dilantik sebagai ahli MMNS: Cheow Ah Yeok pada 19 Mac 1889; dan Wong Loke Yew pada 9 Januari 1893. Dalam pada itu, beberapa orang Cina turut menemani Kapitan Cina menghadiri dan menduduki kerusi dalam MMNS iaitu Cheow Ah Yeok, Wong Loke Yew, Yap Kwan Seng, Ejen Ban Hin & Co. dan Ejen Kapitan Cina dari Betawi pada 24 Mei 1888.

Kehadiran Sultan Abdul Samad Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, 1877-1898

Sepanjang 18 April 1877 hingga 2 Februari 1898, MMNS diadakan sebanyak seratus tujuh belas kali di tiga tempat: Klang (1877-1880); Jugra (1877-1898); dan Kuala Lumpur (1880-1898). MMNS paling aktif diadakan: di Kuala Lumpur sebanyak lima puluh lapan kali; di Jugra sebanyak lima puluh empat kali; dan di Klang sebanyak lima kali sahaja.¹³ Sultan Abdul Samad memainkan peranan sebagai Presiden MMNS pada persidangan ketiga puluh tujuh pada 2 September 1883 sehingga baginda mangkat pada 6 Februari 1898 (kali terakhir baginda menerajui MMNS yang keseratus lima belas pada 2 Oktober 1897).¹⁴ Sultan Abdul Samad didapati melantik Residen British Selangor sebagai pengganti sekiranya baginda tidak menghadiri persidangan yang dijalankan. Ini dapat dibuktikan menerusi pelantikan Treacher pada 7 Ogos 1893.¹⁵

Rodger menyatakan Sultan Abdul Samad adalah Presiden MMNS yang sangat aktif. Ini dapat dibuktikan menerusi kehadiran Sultan Abdul Samad dalam persidangan MMNS.¹⁶ Sultan Abdul Samad kerap menghadiri MMNS yang diadakan di Kuala Langat berbanding di Kuala Lumpur tidak begitu menggalakkan. Sultan Abdul Samad didapati hanya menghadiri MMNS ketujuh puluh yang diadakan di Kuala Lumpur pada 15 November 1890.

Namun begitu, sekiranya didasarkan kehadiran Sultan Abdul Samad menghadiri MMNS di Jugra bermula 27 Disember 1879 hingga 2 Oktober 1897, baginda telah menghadiri persidangan itu sebanyak tiga puluh enam kali daripada empat puluh empat. Sekiranya didasarkan kehadiran baginda menerajui MMNS pula sebanyak dua puluh lapan kali daripada dua puluh sembilan persidangan yang diadakan. Sultan Abdul Samad hanya tidak menghadiri MMNS keseratus sembilan yang diadakan di Jugra pada 21 Disember 1897 kerana baginda tidak sihat.¹⁷ Kehadiran Sultan Abdul Samad begitu komited terutamanya setelah dilantik sebagai Presiden membuktikan baginda begitu mengambil berat mengenai kerajaan supaya menjadi lebih maju dari sebelumnya.

Sultan Abdul Samad Sebelum Menjadi Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Selangor

Sebelum Sultan Abdul Samad dilantik sebagai Presiden MMNS, baginda didapati sebagai ahli biasa ataupun boleh dikatakan baginda hanya menghadiri persidangan

ini sebagai “pendengar”. Keadaan ini menunjukkan Sultan Abdul Samad adalah seorang yang amat istimewa kerana baginda dapat menghadiri persidangan tanpa sebagai ahli yang jelas dalam MMNS. Dalam pada itu, Sultan Abdul Samad turut memberikan pandangan dan mempersoalkan isu yang dikemukakan oleh Residen (ketika pentadbiran Douglas).

Di samping itu, kehadiran Sultan Abdul Samad tidak mendatangkan masalah dalam pentadbiran British di Selangor. Douglas didapati tidak mengadu hal tersebut kepada Gabenor NNS malah membenarkan Sultan Abdul Samad menghadiri persidangan itu sehingga baginda dilantik sebagai Presiden MMNS pada 2 September 1883 (ketika pentadbiran Swettenham). Sultan Abdul Samad menghadiri persidangan MMNS pada kali keenam belas (27 Disember 1879), kedua puluh satu (15 Januari 1881), kedua puluh dua (28 Februari 1881), kedua puluh tiga (6 April 1881), kedua puluh lapan (1 Mac 1882), kedua puluh sembilan (11 Mac 1882), ketiga puluh (22 April 1882) dan ketiga puluh dua (14 Julai 1882).

Sebanyak lapan kali Sultan Abdul Samad menghadiri MMNS yang dipengerusikan oleh Raja Muda Musa, putera baginda dan Raja Muda Selangor kelima (1874-1884). Antaranya, membincangkan hal candu, penubuhan Perbandaran Kuala Lumpur, pencen, elaun, tingkah laku, regulasi, bijih timah dan pendidikan. Misalnya, hal candu dapat dibuktikan pada MMNS keenam belas merupakan kehadiran Sultan Abdul Samad yang pertama sejak ditubuhkan pada 1877. Sultan Abdul Samad didapati aktif dalam persidangan yang dihadiri buat pertama kalinya. Dalam persidangan ini, Sultan Abdul Samad menyoal mengenai penjualan harga candu oleh peniaga yang tamat tempohnya sama ada akan diganggu oleh kerajaan atau sebaliknya.¹⁸ Douglas menjawab pertanyaan Sultan Abdul Samad dengan menyatakan kerajaan akan berkuasa dalam menetapkan harga pasaran candu ini kepada orang yang menjualnya. Douglas menyatakan harga candu itu tidak melebihi \$1 per tael dan candu yang dijual perlu mempunyai 90% keasliannya seperti mana kandungan yang di import.

Sultan Abdul Samad berbincang dengan Raja Muda Musa, Raja Kahar dan Douglas mengenai isu candu sehingga satu cadangan telah dikemukakan. Sultan Abdul Samad bersama-sama putera-puteranya berpendapat kedai candu perlu diberi lesen sama ada daripada kerajaan ataupun peladang. Mereka turut mencadangkan kerajaan seharusnya memainkan peranan dalam pemberian lesen dan berkuasa dalam menghalang pengguna mendapatkan candu yang berbahaya.

Sultan Abdul Samad, Raja Muda Musa dan Raja Kahar turut menyatakan sesiapa yang berhasrat menyediakan candu untuk kegunaan sendiri dapat dilakukan tanpa sebarang halangan. Selain itu, Tauke Lombong perlu menyediakan candu kepada tenaga buruh mereka untuk kegunaan masing-masing tetapi harga candu tersebut tidak boleh melebihi \$1 per tael. Selepas mendengar pendapat Sultan Abdul Samad dan putera-puteranya, Douglas menyatakan cadangan ini sangat baik dan akan memanjangkan kepada Gabenor NNS.¹⁹

Sultan Abdul Samad menghadiri MMNS kedua puluh satu yang diadakan di Jugra pada 15 Januari 1881 untuk membincangkan mengenai Perbandaran di Kuala Lumpur. Sultan Abdul Samad didapati lambat masuk ke dalam persidangan ini. Menurut Douglas, selepas beliau membentangkan mengenai perbandaran di Kuala Lumpur, Sultan Abdul Samad memperkenalkan isu yang dikemukakannya.²⁰ Douglas menyatakan kerajaan Eksekutif perlu bertindak segera dalam memperbesarkan dan memperkembangkan jalan di Kuala Lumpur supaya dapat mencegah daripada

berlakunya kebakaran. Douglas turut menyatakan sebanyak empat pihak yang perlu diutamakan: pihak komersial yang mempunyai perdagangan yang kaya dan pemilik kedai yang kaya; tukang besi dan pedagang Bazar; rumah pelacuran; dan kedai candu, kedai memasak dan kedai konfeksi.

Pada MMNS kedua puluh lapan, Sultan Abdul Samad berbincang dan memperkenankan: hukuman penjara selama lima tahun kepada Chin See yang membunuh seseorang di Kuala Lumpur; permohonan Haji Mohamad Amin, Bekas Pengetua Sekolah Langat, untuk mendapatkan pencen; aduan daripada Lim Ann terhadap tingkah laku Raja Mahmud, Penghulu Kuala Selangor (1881-1885), dan memutuskan Raja Laut dan Messrs. Syers dan Hawley mengkaji perkara tersebut; permohonan Raja Jaman, putera Raja Muhammad, untuk mendapatkan pencen dan tidak diluluskan oleh Residen tetapi Sultan Abdul Samad bersetuju memberikan sumbangan sebanyak \$100 kepada beliau; dan permohonan Raja Abidin, putera Raja Unos, untuk menaikkan elaunnya tetapi tidak berjaya kerana hasil pendapatan di Sungai Bernam tidak begitu memberangsangkan menyebabkan kenaikan elaun tersebut terbantut.²¹

Perbincangan mengenai Regulasi dan Lesen dapat diketengahkan pada MMNS kedua puluh sembilan. Pada persidangan itu, Douglas memaklumkan Regulasi dan Lesen Dobi diluluskan oleh Gabenor NNS. Douglas turut menyatakan Gabenor NNS mencadangkan pembasuhan baju di penjara perlu dilaksanakan. Sultan Abdul Samad, Raja Muda Musa dan Raja Hassan menyokong pendapat Gabenor NNS dan bersetuju pelaksanaan itu diaplikasikan di Selangor.²²

Pada persidangan MMNS ketiga puluh pula membincangkan mengenai isu bijih timah. Namun begitu, Sultan Abdul Samad didapati lewat menyertai perbincangan yang dikemukakan oleh Douglas. Menurut Douglas, setelah Sultan Abdul Samad menyertai perbincangan tersebut, baginda memperkenankan pembentangan yang dibuat oleh Douglas. Pembentangan Douglas adalah mengenai Willian Venn Drummond, Pengusaha Perlombongan Bijih Timah Shanghai, untuk mendapatkan konsesi perlombongan di Selangor dan penubuhan Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.²³

Isu pendidikan dibincangkan dalam persidangan MMNS ketiga puluh dua yang diadakan pada 14 Julai 1882. Sultan Abdul Samad, Raja Muda Musa, Tunku Panglima Raja Berkat, Raja Laut dan Raja Kahar berpendapat Penguasa Pendidikan perlu dilantik dan pendidikan percuma diberikan kepada pelajar yang miskin. Douglas berusaha mendapatkan kelulusan itu daripad Gabenor NNS. Usul itu diluluskan dengan melantik Belfield sebagai Penguasa dalam Jabatan Pendidikan pada 1884 (Jabatan Pendidikan ditubuhkan pada 1883).²⁴

Sultan Abdul Samad Setelah Menjadi Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Selangor

Selepas Sultan Abdul Samad menjadi Presiden MMNS pada 2 September 1883, baginda didapati lebih kerap mengadakan perbincangan dan melontarkan pandangan dalam setiap persidangan yang dihidungnya. Apabila Sultan Abdul Samad semakin uzur, baginda didapati tidak begitu aktif dalam perbincangan. Namun begitu, Sultan Abdul Samad masih menghadiri persidangan yang diadakan (terutamanya di Kuala Langat) dan memperkenankan pembentangan oleh Residen yang didapati relevan untuk diaplikasikan di Selangor.

Sultan Abdul Samad menerajui MMNS sebanyak dua puluh lapan kali di dua tempat: Jugra; dua puluh tujuh kali; dan Kuala Lumpur; satu kali. Sultan Abdul Samad buat pertama kalinya menerajui MMNS ketiga puluh tujuh pada 2 September 1883. Seterusnya, pada MMNS ketiga puluh sembilan (14 Jun 1884); keempat puluh (27 September 1884); keempat puluh satu (18 Oktober 1884); keempat puluh dua (16 Februari 1885); keempat puluh tiga (23 Mei 1885); keempat puluh empat (12 September 1885); keempat puluh tujuh (30 Januari 1886); keempat puluh lapan (29 April 1886); keempat puluh sembilan (21 Ogos 1886); kelima puluh (27 November 1886); kelima puluh satu (16 Julai 1887); kelima puluh lima (13 Jun 1888); keenam puluh satu (6 Oktober 1889); ketujuh puluh (15 November 1890); ketujuh puluh dua (21 Februari 1891); ketujuh puluh enam (8 Mei 1891); ketujuh puluh tujuh (13 Jun 1891); kelapan puluh tiga (19 September 1892); kelapan puluh lapan (6 Jun 1893); kelapan puluh sembilan (7 Ogos 1893); kesembilan puluh (2 September 1893); kesembilan puluh satu (21 Oktober 1893); kesembilan puluh tiga (10 April 1894); keseratus dua (5 September 1895); keseratus tujuh (13 Jun 1896); dan keseratus dua belas (29 Mac 1897). Sultan Abdul Samad menerajui persidangan ini buat kali terakhir pada MMNS keseratus lima belas (2 Oktober 1897).

Sepanjang Sultan Abdul Samad menjadi Presiden MMNS, baginda bersama-sama ahli majlis ini berbincang mengenai pelaksanaan sistem Residen, pentadbiran Islam, isu tanah, lesen, cukai, tingkah laku dan mahkamah, pelantikan Penghulu dan Kapitan Cina serta pemberian elaun dan pencen. Oleh itu, perbincangan yang dinyatakan adalah bukti yang jelas menunjukkan Sultan Abdul Samad terlibat secara aktif dalam persidangan yang dihadiri baginda. Di samping itu, Sultan Abdul Samad berusaha membangunkan Selangor dengan menggunakan medium yang dibentuk oleh British supaya penduduk tempatan akan mendapatkan kemudahan yang berguna pada masa hadapan.

Pelaksanaan Sistem Residen di Selangor

Pada MMNS ketiga puluh tujuh yang diadakan pada 2 September 1883, Swettenham membentangkan pelaksanaan Penghulu sebagai jawatan rasmi dalam pentadbiran Selangor. Swettenham turut memaklumkan tugas Penghulu kepada Sultan Abdul Samad, Raja Muda Musa, Tunku Panglima Raja Berkat, Raja Kahar, Raja Laut dan Raja Hassan. Seramai dua puluh tiga Penghulu telah dilantik dan ditempatkan di mukim yang ditetapkan (sebelas kerabat raja Selangor dan dua belas bukan kerabat raja Selangor). Sultan Abdul Samad memperkenankan pelaksanaan ini dan berharap Penghulu memainkan peranan dengan begitu bertanggungjawab serta membangunkan mukim yang ditetapkan.

Pada MMNS ketiga puluh sembilan yang diadakan pada 14 Jun 1884 pula, Rodger membentangkan larangan pembelian nombor ekor oleh orang Melayu terutamanya di Klang kepada Sultan Abdul Samad dan ahli MMNS. Namun begitu, Yap Ah Low menyatakan usaha ini amat sukar dibendung kerana orang Melayu boleh mendapatkan nombor ekor di Kuala Lumpur mahupun di Singapura. Sultan Abdul Samad bersama-sama Raja Muda Musa, Tunku Panglima Raja Berkat, Raja Kahar dan Syed Zin tidak dapat menerima pandangan Yap Ah Loy. Menurut Rodger, beliau akan berusaha mendapatkan kelulusan Regulasi Larangan Orang Melayu Membeli Nombor Ekor di Selangor.

Sementara itu, pada MMNS keempat puluh yang diadakan pada 27 September 1884, Rodger menjelaskan Enakmen Perlindungan Imigran India kepada Sultan Abdul

Samad, Tunku Panglima Raja Berkat, Raja Kahar dan Syed Zain. Dalam perbincangan ini, Sultan Abdul Samad memberi pendapat bahawa berdasarkan Seksyen IV, Gabenor NNS perlu melantik Pegawai British yang mahir dalam bahasa Tamil sebagai Pemungut Cukai dan Majistret Klang di samping merangkap sebagai Ejen Imigran India.²⁵

Sultan Abdul Samad turut bersetuju dengan pendapat yang dikeluarkan oleh Tunku Panglima Raja Berkat, Raja Kahar dan Syed Zain. Antaranya, Sultan Abdul Samad bersetuju dengan cadangan Raja Kahar yang disokong oleh Tunku Panglima Raja Berkat iaitu mengenai Seksyen XLVI bahawa tenaga buruh India boleh ditukarkan ke tempat lain (dalam daerah Selangor: Kuala Lumpur; Klang; Kuala Langat; Hulu Langat; Kuala Selangor; dan Hulu Selangor) berdasarkan kontrak masing-masing yang perlu mendapatkan kelulusan daripada Ejen Imigran India.

Rodger bersama-sama Sultan Abdul Samad dan ahli MMNS meneruskan perbincangan mengenai Enakmen Perlindungan Imigran India dalam persidangan yang keempat puluh satu pada 18 Oktober 1884. Antaranya, Seksyen 39, Seksyen 46, Seksyen 54 dan Seksyen 80. Hal Seksyen 39 adalah mengenai jumlah maksimum dikadarkan sebanyak \$12 kepada \$15; Seksyen 46 pula mengenai perkhidmatan tenaga buruh India di Selangor; Seksyen 54, mengenai cuti sakit; dan Seksyen 80, mengenai kaki botol. Kesemua seksyen ini diperkenan oleh Sultan Abdul Samad.

Sultan Abdul Samad turut memberikan pandangan mengenai Seksyen 46 selepas baginda mendengar pendapat daripada Syed Zain dan Yap Ah Loy. Syed Zain menjelaskan tenaga buruh tidak boleh bekerja dengan majikan lain sekiranya sesebuah perusahaan gagal dilaksanakan. Yap Ah Loy pula menyatakan beliau lebih menyukai mendapatkan tenaga buruh Jawa. Seterusnya, Sultan Abdul Samad menyatakan baginda lebih mengutamakan tenaga buruh yang ditukarkan kepada majikan lain perlulah tinggal di negeri yang sama ataupun di bawah kerajaan yang sama.²⁶

Seterusnya, pada MMNS keempat puluh tiga yang diadakan pada 23 Mei 1885, Rodger membentangkan isu mengenai penyeragaman sukatan yang diaplikasikan di NNS kepada Sultan Abdul Samad dan ahli persidangan ini. Sebanyak empat sebab yang dikemukakan oleh Rodger untuk mengaplikasikan sukatan itu di Selangor: pertama, perubahan yang dicadangkan hanya merujuk kepada gantang dan cupak, bukan kepada pikul dan kati, dan seterusnya barangan yang akan menerima kesan adalah yang dijual kepada peniaga Selangor, di NNS, dari segi ukuran, bukan berat; kedua, hanya beras secara pukal (beras corak) dijual di Pulau Pinang dan Melaka manakala di Singapura (di pelabuhan ini kebanyakan peniaga Selangor mendapat bekalan mereka) semua barangan dijual berdasarkan berat; ketiga, sebaliknya, gantang dan cupak Melaka yang digunakan di Selangor dikenali di seluruh negeri dan perubahan dalam pengukuran dan rombakan harga bermakna memberi kesukaran praktikal yang besar kepada golongan miskin yang membeli beras dalam kuantiti yang kecil dan berdasarkan skala ukuran yang lama diakui. Namun, kesukaran ini tidak akan dihadapi oleh peniaga Selangor yang berpengalaman berkaitan rombakan harga dalam transaksi yang besar, oleh kerana mereka sudah biasa dengan ukuran kapasiti yang pelbagai di NNS; dan keempat, tentangan kepada piawai baru ini ialah apabila gantang Melaka mengandungi lima kati beras atau 1/20 pikul yang menjadikan kiraan berat dan kapasiti satu hal yang mudah, nisbah relatif berat kapasiti dalam ukuran piawai baru memerlukan perkiraan yang lebih kompleks.²⁷

Sultan Abdul Samad, Rodger dan ahli MMNS berbincang isu ini dengan baik. Sultan Abdul Samad dan ahli MMNS bersetuju dengan pengenalan tersebut sekiranya

penyukatan itu telah digunakan dalam sistem pentadbiran NNS. Namun begitu, mereka tidak bersetuju sekiranya penyukatan itu masih belum diaplikasikan dalam sistem pentadbiran NNS kerana akan menyukarkan perdagangan antara pedagang tempatan dan antarabangsa. Sultan Abdul Samad memberi pandangannya dengan menyatakan "Sekarang senang, mau fikir tentu kachau" (MSC 1486/80 (2986) May 23rd 1885).

Maxwell mengemukakan isu Perkhidmatan Adat (Customary Service) yang berlandaskan ajaran Islam diaplikasikan dalam pentadbiran Selangor pada MMNS ketujuh puluh yang diadakan pada 15 November 1890. Maxwell berharap penduduk tempatan akan berkhidmat dalam membangunkan negeri berdasarkan sokongan daripada golongan raja. Sultan Abdul Samad memberikan pendapat bahawa Perkhidmatan Adat yang dikemukakan oleh Maxwell ini perlu dimaklumkan dengan begitu jelas dan dikuatkuasakan.²⁸ Sultan Abdul Samad turut berharap Residen tidak akan memanjakan penduduk tempatan dengan memberikan bayaran yang tinggi. Maxwell mengambil kira pandangan Sultan Abdul Samad tersebut.

Pentadbiran Islam

Pada MMNS ketiga puluh sembilan yang diadakan pada 14 Jun 1884, Rodger berbincang dengan Sultan Abdul Samad dan ahli MMNS mengenai Undang-undang Islam. Menurut Rodger, Kadi perlu dilantik supaya dapat memberi petunjuk kepada setiap Imam yang terdapat di Selangor. Rodger turut menyatakan setiap Imam perlu mendaftar perkahwinan, penceraian dan pengkebumian orang Islam di daerah masing-masing. Sultan Abdul Samad bersetuju dengan cadangan itu dan melantik Raja Muda Musa serta Syed Zin untuk mencari seseorang yang sesuai sebagai Kadi Selangor.

Perbincangan mengenai Kadi diteruskan dalam MMNS keempat puluh yang diadakan pada 27 September 1884. Sultan Abdul Samad berhasrat mengetahui perkembangan pencarian Kadi yang dilaksanakan oleh Syed Zain dan almarhum Raja Muda Musa. Syed Zain menjawab pertanyaan Sultan Abdul Samad bahawa almarhum tidak berjaya mencari Kadi yang sesuai tetapi beliau akan cuba mendapatkannya secepat mungkin dengan membawa beberapa calon yang dikehendaki kepada baginda kelak.

Kemudian, pada MMNS keempat puluh dua yang diadakan pada 16 Februari 1885, Syed Zain memaklumkan kepada Sultan Abdul Samad bahawa di Kuala Selangor terdapat seorang Ulamak bernama Haji Jafar. Syed Zain menyatakan Haji Jafar didapati mempunyai kelayakan untuk dilantik sebagai Kadi Selangor. Sultan Abdul Samad akan menemu ramah Haji Jafar mengenai Islam. Akhirnya, Haji Jafar dilantik sebagai Kadi Selangor bermula Februari 1885 dan meletakkan jawatannya pada 30 April 1887.²⁹ Namun begitu, Sultan Abdul Samad tetap memilih dan memperkenankan pelantikan semula Haji Jafar sebagai Kadi Selangor pada 10 Oktober 1888.³⁰

Pada MMNS keempat puluh tiga yang diadakan pada 23 Mei 1885 pula, Sultan Abdul Samad memperkenankan pelantikan Imam baru di Selangor berdasarkan laporan Raja Kahar yang diperoleh daripada Haji Jafar. Sultan Abdul Samad amat berpuas hati dan memperkenankan pelaksanaan yang dibuat oleh Haji Jafar. Berikutan itu, Imam Kuala Kali telah bersara dan digantikan oleh Imam Haji Jafar (Kuala Selangor), Imam Klang digantikan oleh Tuan Haji Abdullah (Klang) kerana didapati tidak begitu bertanggungjawab, Imam Jugra digantikan dengan Imam Bandar dan Imam Kuala Lumpur telah bersara dan masih dalam pencarian untuk mendapatkan calon yang sesuai sebagai imam di sini.³¹

Sementara itu, pada MMNS ketujuh puluh yang diadakan pada 15 November 1890, Maxwell dan Sultan Abdul Samad berbincang mengenai perkhidmatan Syeikh Ahmad, Kadi Selangor, yang tidak begitu bertanggungjawab kerana sudah terlalu uzur. Sultan Abdul Samad memberi pandangan bahawa Syeikh Ahmad tidak menjalankan perkhidmatannya dengan baik dan berharap beliau dihantar pulang ke Penang. Ahli MMNS bersetuju dengan cadangan Sultan Abdul Samad.

Seterusnya, pada MMNS keseratus dua yang diadakan pada 5 September 1895, Sultan Abdul Samad berbincang dengan Rodger mengenai bidang kuasa dan hukuman sivil agama Islam. Rodger turut menjelaskan syarat pelantikan Imam di Selangor. Menurut Rodger, pengenalan ini telah dilaksanakan di Perak. Sultan Abdul Samad memperkenalkan pengenalan itu diaplikasikan dalam pentadbiran Selangor.

Isu Tanah

Pada MMNS keempat puluh sembilan yang diadakan pada 21 Ogos 1886, Raja Suleiman menuntut tanah milik Raja Muda Musa, ayahandanya, di Batu Buruk, berdekatan Kuala Selangor. Sultan Abdul Samad mencadangkan dan menyatakan bahawa Raja Indot merupakan seorang kerabat raja Selangor yang paling mahir mengenai isu persempadanan tanah di Selangor.³² Keputusan persidangan ini memilih dan melantik Raja Indot untuk mengkaji serta meninjau kawasan tuntutan Raja Suleiman.

Pada MMNS ketujuh puluh satu yang diadakan pada 13 Jun 1891 pula, Rodger membentangkan Peraturan Kod Tanah Baru kepada Sultan Abdul Samad, Raja Muda Suleiman, Raja Kahar, Raja Laut, Raja Bot, Yap Kwan Seng dan Tauke Cheow Ah Yeok.³³ Dalam perbincangan itu, Sultan Abdul Samad dan ahli MMNS bersetuju dengan Seksyen 9 mengenai Perjanjian Pemajakan. Sultan Abdul Samad menyuarakan pendapat mengenai Seksyen 30 yang dibincangkan oleh Raja Bot, Raja Kahar, Yap Kwan Seng dan Tauke Cheow Ah Yeok bahawa kadar harga 50 sen per satu ekar adalah maksimum seperti mana Peraturan Tanah 1882 yang diperkenalkan oleh Swettenham.³⁴

Sultan Abdul Samad didapati tidak begitu menyenangi Peraturan Kod Tanah Baru yang diperkenalkan oleh Maxwell kerana baginda kluatir penduduk tempatan tidak dapat mengusahakan pertanian dengan kadar yang dinyatakan. Namun begitu, Sultan Abdul Samad tidak menentang pengenalan tersebut dan baginda didapati mengusahakan pertanian yang lebih menggalakkan daripada sebelumnya. Pada masa yang sama, Sultan Abdul Samad menyeru penduduk tempatan mengusahakan pertanian dengan mendapatkan bantuan daripada baginda, Penghulu dan kerajaan. Tindakan Sultan Abdul Samad itu menunjukkan baginda mahukan penduduk tempatan Selangor berada di tahap kesenangan supaya kehidupan seharian mereka semakin baik dari semasa ke semasa berdasarkan perusahaan pertanian masing-masing.

Isu Lesen

Pada MMNS ketiga puluh tujuh yang diadakan pada 2 September 1883, Swettenham memaklumkan Lesen Kereta Kuda perlu dibayar dengan harga seperti berikut: Kereta Kuda sebanyak \$2 setahun dan Pemandu pula sebanyak \$ 1 ½ setahun (Jadual 1):

Jadual 1: Lesen Kereta Kuda 1883

Kepada	Harga
Kereta Kuda	\$2 Setahun
Pemandu	\$1 ½ Setahun

Sumber: 35 [37] Meeting of State Council Held at the Istana Bukit Jugra on Sunday 2nd September 1883, Minutes of Selangor Council (MSC) 1486/80 (2986)

Selepas mengumumkan harga lesen tersebut, Swettenham bertanya kepada ahli MMNS untuk mendapatkan pendapat mengenai sama ada Kereta Kuda Milik Sendiri dikehendaki membayar lesen atau sebaliknya. Sultan Abdul Samad menyatakan pendapat baginda bersetuju Kereta Kuda Milik Sendiri dikenakan bayaran lesen tetapi Pemandu tidak akan dikenakan yuran. Swettenham mengambil kira pendapat Sultan Abdul Samad tersebut dan akan memanjangkan usul itu kepada Gabenor NNS.

Isu Cukai

Pada MMNS ketiga puluh tujuh yang diadakan pada 2 September 1883, Swettenham membincangkan cukai Pembakaran Arang sebanyak 25 sen untuk setiap bahara seberat 400 lbs. Cukai turut dikenakan ke atas garam, ikan masin dan teh. Sultan Abdul Samad dan ahli MMNS sebulat suara bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Swettenham yang akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 1884.³⁵

Pada MMNS keempat puluh empat yang diadakan pada 12 September 1885 pula, Sultan Abdul Samad bersama-sama Tunku Panglima Raja Berkat, Raja Suleiman, Raja Kahar dan Syed Zain bersetuju cukai eksport tidak diaplikasikan ke atas pertanian kopi dan beberapa pertanian lain seperti gula, lada hitam dan gambir yang telah membayar premium dan cukai tanah untuk lima tahun.³⁶

Sementara itu, pada MMNS keempat puluh lapan yang diadakan pada 29 April 1886, Rodger memaklumkan kadar cukai import candu dinaikkan daripada \$5 kepada \$7 per bola bermula 24 April 1886. Berikutan itu, Sultan Abdul Samad bertanya kepada Rodger sama ada penjual candu dibenarkan menetapkan harga penjualan candu.³⁷ Rodger membalas bahawa penjual candu dibenarkan menetapkan harga tersebut berdasarkan cukai import yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Seterusnya, pada MMNS keempat puluh sembilan yang diadakan pada 21 Ogos 1886, Rodger membentangkan isu cukai tanah daerah pendalaman sama ada penguatkuasaannya sama dengan Kuala Lumpur atau sebaliknya. Penguatkuasaan itu adalah penduduk tempatan Kuala Lumpur disyaratkan membayar sebanyak 50 sen satu ekar. Rodger memaklumkan cukai tanah yang dikuatkuasakan pada 1884 dan diberikan pengecualian cukai tanah selama tiga tahun akan berakhir pada akhir tahun ini. Namun begitu, pengecualian itu masih diteruskan kepada pengusaha pertanian yang baru.

Syed Zain menyatakan cukai tanah daerah pendalaman yang telah berjaya mengusahakan kawasan pertanian boleh membayar sebanyak 50 sen satu ekar. Selepas

Sultan Abdul Samad mendengar pendapat daripada ahli MMNS, baginda amat menyenangi penguatkuasaan cukai tanah yang diperkenalkan kerana yakin dengan pengecualian itu penduduk tempatan dapat meningkatkan hasil tanaman mereka terutamanya pertanian padi paya. Di samping itu, baginda menyatakan penduduk tempatan akan berusaha memperluaskan kawasan tananam mereka dan orang luar dari Selangor turut akan berhijrah untuk mengusahakan pertanian di sini.³⁸ Dalam pada itu, Raja Kahar tidak bersetuju dengan pelaksanaan sistem ladang dan padi bukit. Begitu juga Syed Zain dan Raja Laut turut berpendapat seperti Raja Kahar.

Selepas berbincang antara satu sama lain, ahli MMNS bersepakat melarang pelaksanaan sistem ladang di Selangor berkuat kuasa 1 Januari 1887, sebanyak 50 sen satu ekar dikenakan ke atas penduduk tempatan di kawasan pendalaman berkuat kuasa 1 Januari 1887 dan penduduk tempatan yang baru mengusahakan pertanian dan tanahnya tidak melebihi seratus ekar tidak akan dikenakan cukai tanah selama tiga tahun berdasarkan tarikh pembukaan perusahaannya.

Rodger membentangkan isu kenaikan kadar cukai timah dan arang yang akan dikuatkuasakan pada 1887: cukai eksport timah daripada \$9 per cara kepada \$10 per cara; dan cukai eksport arang pula daripada 25 sen kepada 50 sen pada MMNS kelima puluh yang diadakan pada 27 November 1886. Sultan Abdul Samad bersetuju dengan peningkatan kadar tersebut kerana kerajaan telah membelanjakan jumlah wang yang besar ke atas pembinaan kereta api, kemudahan jalan ke kawasan pendalaman, kemudahan pengangkutan dan menurunkan kadar cukai menghasilkan bijih timah.³⁹ Oleh itu, menurut Sultan Abdul Samad, Raja Kahar dan Syed Zain, kadar cukai eksport ini wajar dinaikkan untuk kepentingan ekonomi Selangor.

Isu Tingkah Laku

Pada MMNS keempat puluh yang diadakan pada 27 September 1884, Sultan Abdul Samad berbincang dengan Rodger mengenai tingkah laku Raja Hassan, Penghulu Klang, kerana beliau berhasrat mendapatkan elaun tambahan sebanyak \$20 selepas meletak jawatan sebagai Penghulu Klang. Permohonan Raja Hassan terpaksa ditolak sekiranya beliau bertekad meletak jawatannya. Sultan Abdul Samad memaklumkan dalam persidangan itu bahawa "Raja Hassan diberikan elaun tambahan sebanyak \$20 kerana menjaga negeri" (MSC 1486/80 (2986) September 27th 1884). Kemudian, dalam MMNS keempat puluh satu yang diadakan pada 18 Oktober 1884, Raja Hassan berhasrat meneruskan perkhidmatannya sebagai Penghulu Klang sehingga bersara pada 1913.

Pada MMNS keempat puluh empat yang diadakan pada 12 September 1885 pula, Rodger mengemukakan isu tingkah laku Raja Mahmud (PENGHULU KUALA SELANGOR), terhadap pelaksanaan pemvaksin di Kuala Selangor. Raja Mahmud menentang isu pemvaksin diaplikasikan di Selangor. Sultan Abdul Samad memberi pandangan bahawa Raja Mahmud perlu melaksanakan pemvaksin ini kepada anaknya sendiri terlebih dahulu kerana baginda telah menyeru kerabat raja Selangor yang muda mendapatkan suntikan itu.

Sementara itu, pada MMNS kelima puluh lima yang diadakan pada 13 Jun 1888, Swettenham membentangkan isu tingkah laku Raja Muda Suleiman yang berhutang dengan kerajaan. Dalam persidangan ini, Sultan Abdul Samad menanyakan hal itu kepada Raja Muda Suleiman. Raja Muda Suleiman menjawab pertanyaan Sultan Abdul

Samad dengan menyatakan hutang itu adalah peninggalan almarhum Raja Muda Musa. Sultan Abdul Samad menegaskan suaranya dengan menyatakan perkara itu memalukan baginda dan menyuruh Raja Muda Suleiman mengurangkan mengusahakan pertanian di Bandar. Sultan Abdul Samad mengingatkan kembali kepada Raja Muda Suleiman bahawa:

Baginda sering memberitahu kepada putera-puteranya untuk bekerja dan memberikan sumbangan yang menggalakkan dalam negeri Selangor dan cuba dan berusaha mendapatkan reputasi yang baik supaya nama mereka akan dihargai dan dihormati sehingga ke cucu cicik dan berharap Residen akan membantu mereka. (MSC 1486/80 (2986) 13th June 1888)

Swettenham bersetuju dengan kenyataan Sultan Abdul Samad. Dalam pada itu, Swettenham menyatakan banyak kawasan di Selangor masih belum diterokai dan perkhidmatan mereka amat diharapkan. Swettenham turut menyatakan Raja Daud, Penghulu Hulu Langat, Syed Masahor, Penghulu Kerling, Raja Abdul Manan, Penghulu Sepang Kecil, Raja Bot, Penghulu Sungai Buloh, dan Penghulu-penghulu lain melaksanakan perkhidmatan mereka dengan penuh bertanggungjawab.

Seterusnya, pada MMNS keseratus tujuh yang diadakan pada 13 Jun 1896, Sultan Abdul Samad berbincang dengan Rodger mengenai tingkah laku Raja Ibrahim, Penghulu Teluk Panglima Garang (1893-1896), kerana tidak menjalankan tugasnya dengan baik. Keputusan telah diambil bahawa kes tersebut akan dikaji oleh Raja Muda Suleiman dan Walter William Skeat, Pemangku Pegawai Daerah Kuala Langat.⁴⁰ Akhirnya, Raja Ibrahim dilucutkan jawatannya pada Disember 1896 dan digantikan oleh Raja Mamor, putera Raja Ismail, bermula 4 Januari 1897 (dalam tempoh percubaan selama enam bulan).⁴¹

Isu Mahkamah

Pada MMNS keempat puluh empat yang diadakan pada 12 September 1885, Rodger berbincang dengan Sultan Abdul Samad mengenai penyingkiran orang Cina yang dikenali sebagai Tauchang (orang Cina yang berambut tocang dan botak dihadapan kepala) daripada penjara Cina. Menurut Rodger, Tauchang akan disingkirkan daripada penjara Cina setiap enam bulan ke atas. Namun begitu, Rodger menyatakan bermula Mei 1885, penyingkiran Tauchang ini ditukarkan kepada peraturan baru iaitu hanya dilaksanakan sekiranya mempunyai hukuman istimewa, dijatuhkan oleh Residen atau Ketua Majistret dan mereka yang dikenakan hukuman selama satu tahun ke atas.

Rodger berhasrat mendapatkan pandangan Sultan Abdul Samad mengenai isu ini supaya Tauchang yang disingkirkan daripada penjara boleh mendapatkan pekerjaan. Rodger turut menyatakan peraturan mengenai Tauchang di NNS tidak boleh dipertikaikan melainkan mendapatkan persetujuan daripada Gabenor. Manakala di Hong Kong pula, mereka dikenakan hukuman selama lima tahun ke atas. Rodger mencadangkan hukuman ini dikenakan kepada banduan yang melakukan jenayah yang berat. Peraturan ini diperkenankan oleh Sultan Abdul Samad dan baginda memberikan pendapat bahawa "soalan ini merupakan pertama kali dikemukakan di dalam MMNS... hukuman hanya perlu dikenakan ke atas kes-kes yang luar biasa" (MSC 1486/80 (2986) September 12th 1885).

Pada MMNS keenam puluh satu yang diadakan pada 6 Oktober 1889 pula, Maxwell membentangkan isu hukuman mati ke atas Loo Choy dan Bong Sin. Hal ini diperkenankan oleh Sultan Abdul Samad dan baginda menurunkan cop mohornya ke atas waran hukuman mati. Sementara itu, pada MMNS ketujuh puluh enam yang diadakan pada 8 Mei 1891, Sultan Abdul Samad memperkenankan meringankan hukuman (sepatutnya dikenakan hukuman mati) ke atas Maja, perempuan Melayu, yang didapati bersalah membunuh sepupunya.⁴² Hukuman ini diringankan kerana Maja didapati gila setelah diperiksa oleh Dr. A. J. L. Welch dan diperkukuhkan dengan kenyataan yang dibuat oleh Raja Bot iaitu Maja didapati menjadi gila selepas kematian suaminya.

Seterusnya, pada MMNS kelapan puluh tiga yang diadakan pada 19 September 1892, Sultan Abdul Samad memperkenankan pembebasan Baginda Mihun, Penghulu Hulu Klang (1888-1892), dan menghantar beliau pulang ke Sumatera kerana bukti untuk menahan lebih lanjut tidak kukuh (Baginda Mihun ditahan kerana didapati berkomplot dengan Dato' Bahaman, Orang Kaya Pahlawan Pahang, yang berjuang demi menegakkan sistem pentadbiran raja Pahang yang diganggu oleh British).⁴³

Pelantikan Penghulu: Kerabat Raja Selangor

Pelantikan Penghulu secara rasmi dilaksanakan dalam MMNS ketiga puluh tujuh pada 2 September 1883. Seramai sebelas kerabat raja Selangor yang dilantik iaitu, Raja Muda Musa (Bandar; 1875-1884), Tunku Panglima Raja Berkat (Kanchong; 1875-1887), Raja Kahar (Kajang; 1875-1883), Raja Laut (Kuala Lumpur; 1883-1899), Syed Masahor (Kerling; 1883-1899), Raja Abdullah (Jeram; 1882-1903), Raja Mahmud (Kuala Selangor; 1881-1885), Raja Jaffar (Pasangan; 1883-1895), Raja Manan (Sepang; 1883-1913 dan Sepang Besar; 1887-1889), Raja Daud (Hulu Langat; 1882-1899) dan Raja Mahmud (Hulu Semenyih; 1883-1891, Semenyih bergabung dengan Beranang; 1891-1895 dan Semenyih (merangkumi Hulu Semenyih); 1891-1900).⁴⁴ Sultan Abdul Samad memperkenankan pelantikan itu dan berharap mereka menjalankan perkhidmatan dengan begitu bertanggungjawab dan menggalakkan dari semasa ke semasa.

Pada MMNS kelima puluh satu yang diadakan pada 16 Julai 1887 pula, Sultan Abdul Samad memperkenankan pelantikan Raja Bot sebagai Penghulu Sungai Buloh bagi menggantikan Raja Suleiman, putera Raja Hussin (kerabat raja Inderagiri), yang telah meninggal dunia pada 29 September 1886.⁴⁵

Sultan Abdul Samad turut memperkenankan pelantikan Raja Jaafar, putera Raja Mahmud (putera Sultan Muhammad), sebagai Penghulu Beranang dalam MMNS keseratus tujuh yang diadakan pada 13 Jun 1896.⁴⁶ Dalam pada itu, pada MMNS keseratus lima belas yang diadakan pada 2 Oktober 1897, Sultan Abdul Samad memperkenankan pelantikan Raja Alang, putera Raja Laut, sebagai Penghulu Petaling untuk tempoh percubaan selama enam bulan bagi menggantikan Haji Kechil (Pengkulu Petaling) yang telah meninggal dunia pada 1897

Pelantikan Penghulu: Bukan Kerabat Raja Selangor

Seramai dua belas bukan kerabat raja Selangor pula dilantik sebagai Penghulu di mukim yang ditetapkan pada MMNS ketiga puluh tujuh pada 2 September 1883. Mereka adalah Raja Hassan (Klang; 1883-1913), Panglima Garang Ishak (Hulu Selangor; 1875-1884),

Dato' Muda Jafar (Batang Kali; 1883-1884), Dato' Kota Pinang (Serendah; 1883-1897), Dato' Sati (Setapak; 1883-1889), Raja Suleiman (Sungai Buloh; 1883-1886), Haji Talib (Panchang Pedina; 1883-1891), Haji Samsudin (Sungai Kakarti; 1883-1904), Raja Hussein (Beranang; 1883-1889), Panglima Perang Kasim (Sungai Rinching; 1883-1885), Itam (Sungai Rambai; 1883-1888) dan Raja Amas (Hulu Klang; 1883-1888). Sultan Abdul Samad memperkenankan pelantikan itu dan berharap mereka memainkan peranan serta memberikan sumbangan yang menggalakkan dari semasa ke semasa.

Pada MMNS ketiga puluh sembilan yang diadakan pada 14 Jun 1884 pula, Sultan Abdul Samad memperkenankan pelantikan Haji Mat Nusi sebagai Penghulu Hulu Selangor, Abdul Mohet sebagai Penghulu Klang dan Sallehudin sebagai Penghulu Tanjung Dua Belas. Seterusnya, pada MMNS keempat puluh dua yang diadakan pada 16 Februari 1885, Sultan Abdul Samad memperkenankan Abdul Mohet sebagai Penghulu Damansara. Sultan Abdul Samad menjelaskan baginda mengenali Abdul Mohet sejak beberapa tahun. Sultan Abdul Samad menyatakan perwatakan Abdul Mohet adalah seorang yang boleh dipercayai, mempunyai perwatakan yang baik dan dapat mempengaruhi penduduk tempatan.⁴⁷

Pada MMNS kelima puluh yang diadakan pada 27 November 1886 pula, Sultan Abdul Samad memperkenankan pelantikan Abdul Rahman (Che Man) sebagai Penghulu Kajang bagi menggantikan Raja Kahar berkuat kuasa 1 Januari 1887.⁴⁸ Seterusnya, pada MMNS kelima puluh satu yang diadakan pada 16 Julai 1887, Sultan Abdul Samad memperkenankan pelantikan Raja Daud (Sungai Raya) sebagai Penghulu Sepang Kecil.

Sementara itu, pada MMNS keseratus tujuh yang diadakan pada 13 Jun 1896, Sultan Abdul Samad berbincang dengan Rodger dan memperkenankan pelantikan Mohamed Tahir, anak Dato' Engku Klang Kalok, sebagai Penghulu Hulu Klang untuk tempoh percubaan selama enam bulan.⁴⁹ Sultan Abdul Samad turut memperkenankan pelantikan Majid, anak Dato' Kaya Klang Mohamed Ali, sebagai Penolong Penghulu Bukit Raja untuk tempoh percubaan selama enam bulan pada MMNS keseratus dua belas pada 27 Mac 1897. Dalam pada itu, Sultan Abdul Samad memperkenankan pelantikan Raja Ali, putera Raja Jaafar, sebagai Penghulu Batu untuk tempoh percubaan selama enam bulan pada MMNS keseratus dua belas pada 27 Mac 1897.⁵⁰

Pelantikan Kapitan Cina

Pada MMNS keempat puluh tiga yang diadakan pada 23 Mei 1885, Rodger membentangkan isu pelantikan Kapitan Cina yang baru kerana Yap Ah Loy telah meninggal dunia pada 15 April 1885. Dua calon Ketua Orang Cina yang dipilih iaitu Yap Ah Shak (ketua orang Hakka) dan Tauke Cheow Ah Yeok (ketua orang Kantonis). Berikutan perbincangan dengan Sultan Abdul Samad dan ahli MMNS, persidangan ini melantik Yap Ah Shak sebagai Kapitan Cina baru.⁵¹ Pelantikan ini memihak kepada Yap Ah Shak kerana beliau adalah seorang yang berpengaruh dalam komuniti orang Cina di Selangor. Di samping itu, Tauke Cheow Ah Yeok dilantik sebagai Majistret orang Cina (mengambil alih tugas Yap Ah Shak sebelum ini).

Elaun dan Pencen: Kerabat Raja Selangor

Pada MMNS keempat puluh tujuh yang diadakan pada 30 Januari 1886, Sultan Abdul Samad membincangkan permohonan elaun Raja Tahir, putera sulung Raja Muda Musa

dan cucunda baginda, dengan Swettenham. Menurut Sultan Abdul Samad, baginda menyuruh Raja Tahir berjumpa dengan Residen untuk menaikkan elaun yang sedia ada.⁵² Persidangan ini bersetuju menambahkan elaun Raja Tahir daripada \$200 kepada \$250 yang dikuatkuasakan pada 1 Februari 1886.⁵³ Kenaikan elaun ini dikuatkuasakan kerana Sultan Abdul Samad dan ahli MMNS berpendapat almarhum Raja Muda Musa mempunyai tujuh orang anak yang perlu dijaga dan ladang kelapa yang diusahakan oleh almarhum tidak dapat menampung duit elaun sebanyak \$200. Oleh itu, elaun itu dinaikkan sebanyak \$250 dan akan dibayar kepada Raja Suleiman berkuat kuasa 1 Februari 1886.

Pada MMNS keempat puluh sembilan yang diadakan pada 21 Ogos 1886 pula, Sultan Abdul Samad memperkenankan permohonan elaun Raja Alfah, puteri Sultan Abdul Samad (beliau berkahwin dengan Raja Daud, putera Raja Hussin Sungai Raya) sebanyak \$30 sebulan berkuat kuasa September 1886 dan Raja Muteh, puteri Sultan Abdul Samad, (beliau akan berkahwin dengan Raja Hitam, putera Raja Unos Sungai Bernam) sebanyak \$30 berkuat kuasa selepas perkahwinan beliau.⁵⁴

Raja Nusa, putera bongsu Sultan Abdul Samad, turut berhasrat meningkatkan elaunnya.⁵⁵ Untuk itu, Sultan Abdul Samad menyatakan baginda akan mencari mukim yang sesuai untuk melantik Raja Nusa sebagai Penghulu supaya elaun putera bongsunya dapat dinaikkan seperti mana Raja Yusof, cucu baginda, yang mendapat elaun sebanyak \$50 sebulan.⁵⁶ Selepas mendengar kenyataan Sultan Abdul Samad, Rodger bersetuju memberikan elaun sebanyak \$50 sebulan kepada Raja Nusa.

Sementara itu, pada MMNS kelima puluh satu yang diadakan pada 16 Julai 1887, Sultan Abdul Samad memperkenankan kenaikan elaun Raja Suleiman daripada \$3,600 (1887) kepada \$4,800 (1888); Raja Kahar pula \$1,200 kepada \$1,800; Raja Nusa, \$600 kepada \$900; Raja Laut, \$1,200 kepada \$1,800; Raja Mahmud, putera Sultan Muhammad, \$1,080 kepada \$1,200; dan Tunku Panglima Raja Berkat, \$600 kepada \$1,200 (Jadual 2). Di samping itu, Sultan Abdul Samad mensyaratkan bahawa Tunku Panglima Raja Berkat perlu menetap di Jugra atau berhampiran dengan istana baginda atau menetap di istana-istana baginda tinggal sebelum ini.⁵⁷

Jadual 2: Elaun Kerabat Raja Selangor Berkuat Kuasa Januari 1888

Nama	1887	1888
Raja Suleiman	\$3,600	\$4,800
Raja Kahar	1,200	1,800
Raja Nusa	600	900
Raja Laut	1,200	1,800
Raja Mahmud	1,080	1,200
Tunku Panglima Raja Berkat	600	1,200

Sumber: Minutes of the 56th Meeting of the State Council Held at Jugra on Saturday July 16th 1887, MSC 1486/80 (2986)

Sultan Abdul Samad berjaya menaikkan elaun Raja Yusof daripada \$50 kepada \$100 sebulan pada MMNS kelima puluh lima yang diadakan pada 13 Jun 1888. Menurut Swettenham, Raja Yusof boleh menaikkan elaunnya apabila beliau berumur 21 tahun (pada 1888; Raja Yusof berumur 17 tahun). Namun begitu, Sultan Abdul

Samad berhasrat elau Raja Yusof dinaikkan kerana baginda menyatakan cucundanya melakukan perkhidmatan dengan bertanggungjawab. Sultan Abdul Samad turut menambah bahawa ayah Raja Yusof iaitu Raja Yaakob mendapat \$100 sebulan (ketika masih hidup).

Swettenham tidak bersetuju dengan kenyataan Sultan Abdul Samad dengan menyatakan kenaikan elau Raja Yusof masih terlalu awal dan beliau mencadangkan cucunda baginda mendapatkan pendidikan di Singapura. Selepas Swettenham menyatakan sedemikian, Sultan Abdul Samad membidas bahawa Raja Yusof boleh mendapatkan pendidikan di Kuala Langat dan baginda mahukan cucundanya berkhidmat dalam pentadbiran Selangor. Sultan Abdul Samad bertekad mahukan elau Raja Yusof dinaikkan sebanyak \$100. Oleh itu, Swettenham bersetuju dengan peningkatan elau tersebut.

Seterusnya, pada MMNS kesembilan puluh yang diadakan pada 2 September 1893, Sultan Abdul Samad memperkenankan kenaikan elau Raja Muda Suleiman kepada \$6,000 sebulan dan sebanyak \$1,680 (diambil dari elau Raja Muda Suleiman) pula diberikan kepada keluarga almarhum Raja Muda Musa yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1894. Raja Laut pula daripada \$2,400 kepada \$3,000; Raja Bot, daripada \$1,200 kepada \$1,800; Raja Kahar, daripada \$1,800 kepada \$2,400; Raja Nusa, daripada \$900 kepada \$1,200; Raja Mahmud (Sultan Muhammad), daripada \$1,800 kepada \$2,400; dan Raja Daud (Hulu Langat), daripada \$360 kepada \$600 (Jadual 3).

Jadual 3: Peningkatan Elaun Kerabat Raja Selangor Berkuat Kuasa Januari 1894

Nama	Tahun Sebelumnya	1894
Raja Laut	\$2,400	3,000
Raja Bot	1,200	1,800
Raja Kahar	1,800	2,400
Raja Nusa	900	1,200
Raja Mahmud	1,800	2,400
Raja Daud	360	600

Sumber: Minutes of the 95th [90] Meeting of the State Council Held at the Istana Jugra, on the 2nd September 1893, MSC 1486/80 (2986)

Elaun dan Pencen: Bukan Kerabat Raja Selangor

Pada MMNS keempat puluh lapan yang diadakan pada 29 April 1886, Rodger berbincang dengan Sultan Abdul Samad mengenai permohonan elau Rukiah (Gaia), isteri Raja Mahadi, dan Dato' Kaya Klang Baduk untuk diserahkan kepada Majid, Puteh dan Lembut (mereka adalah adik beradik Gaia dan Dato' Kaya Klang Baduk). Sultan Abdul Samad melontarkan pandangan bahawa dalam Adat Melayu, waris lelaki lebih banyak menerima harta pusaka berbanding perempuan.⁵⁸ Persidangan ini dipersetujui dan diperkenankan oleh Sultan Abdul Samad bahawa Majid diberikan sebanyak \$10 sebulan dan Puteh serta Lembut diberikan sebanyak \$5 sebulan.

Pada MMNS kelima puluh lima yang diadakan pada 13 Jun 1888 pula, Swettenham dan Sultan Abdul Samad berbincang mengenai permohonan anak-anak Dato' Kaya

Klang Mohamed Ali untuk mendapatkan elaun.⁵⁹ Dalam persidangan ini, Swettenham berhasrat mengurangkan elaun itu kepada \$10 sebulan tetapi Sultan Abdul Samad tidak bersetuju dan pengurangan ini tidak dilaksanakan. Kenyataan Sultan Abdul Samad dalam minit MMNS itu:

Baginda tidak berhasrat mengurangkan elaun tersebut dan elaun itu tidak dibayar berdasarkan perkhidmatan Dato' Kaya tetapi berdasarkan perkhidmatan ayahnya... baginda yang memberikan jawatan tersebut dan baginda boleh melucutkan jawatan tersebut dan baginda memikirkan elaun tersebut tidak perlu ditukar. (MSC 1486/80 (2986) 13th June 1888)

Sementara itu, pada MMNS kesembilan puluh tiga yang diadakan pada 10 April 1894, Sultan Abdul Samad memperkenankan elaun putera-putera Raja Abdullah (Raja Muhammad meninggal dunia pada 19 September 1890 dan dikebumikan di Lukut) yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1894 iaitu Raja Ismail daripada \$1,500 kepada \$1,980; Raja Hassan pula, daripada \$840 kepada \$1,080; Raja Impeh, daripada \$600 kepada \$780; dan Raja Abdul Rahman (kerabat raja Selangor melalui nasab ibu iaitu Raja Lijah, puteri Raja Haji bin Sultan Ibrahim, Sultan Selangor kedua), daripada \$720 kepada \$960 (Jadual 4).

Jadual 4: Peningkatan Elaun Putera-putera Raja Abdullah Berkuat Kuasa Januari 1894

Nama	Tahun Sebelumnya	1894
Raja Ismail	\$ 1,500	1,980
Raja Hassan	840	1,080
Raja Impeh	600	780
Raja Abdul Rahman	720	960

Sumber: Minutes of the 98th [93] Meeting of the State Council Held at the Istana Jugra on the 10th April 1894, MSC 1486/80 (2986)

Sultan Abdul Samad tidak memperkenankan permohonan elaun daripada Syed Abu Bakar, Penghulu Durian Sebatang, pada MMNS keseratus lapan yang diadakan pada 26 September 1896. Menurut perbincangan Sultan Abdul Samad dengan Rodger, Syed Abu Bakar pernah dilantik sebagai Penolong Penghulu Hulu Bernam (ketika pentadbiran Haji Mustaffa, Penghulu Hulu Bernam; 1876-1879 dan 1886-1897) dan beliau bercadang mendapatkan pencen hasil daripada perkhidmatannya dalam pentadbiran Selangor.

Sultan Abdul Samad bersama-sama Raja Muda Suleiman, Raja Laut, Raja Bot dan Raja Hassan bersepakat bahawa Syed Abu Bakar tidak pernah mengambil pencen tetapi beliau mengambil elaun daripada kerajaan Selangor.⁶⁰ Mereka turut menyatakan Syed Abu Bakar tidak terlibat dalam pentadbiran Selangor kerana beliau telah berkhidmat dalam pentadbiran Perak sebagai Penghulu Durian Sebatang (selepas sebelah kanan Sungai Bernam kembali menjadi jajahan Selangor berkuat kuasa 1 Oktober 1886).

Kesimpulan

Perbincangan ini menunjukkan Sultan Abdul Samad adalah seorang ahli dan Presiden MMNS yang bersikap aktif, sering melontarkan pandangan, menerima dan menyenangi pendapat yang dikeluarkan oleh ahli MMNS dan memperkenankan segala pelaksanaan Residen, pelantikan Penghulu dan permohonan elaun dan pencen kepada kerabat raja dan bukan kerabat raja Selangor. Di samping itu, penglibatan Sultan Abdul Samad menunjukkan baginda sememangnya berhasrat menjadikan Selangor sebuah negeri yang kaya, moden dan aman damai. Dalam pada itu, penglibatan Sultan Abdul Samad dalam MMNS boleh dijadikan salah satu bukti untuk menunjukkan baginda sebenarnya mempergunakan British dan bukannya menerima pentadbiran British di Selangor secara semborono. Sekaligus, tulisan ini dapat memperbetulkan pandangan pengkaji terdahulu yang menyatakan Sultan Abdul Samad seorang Sultan Selangor yang lemah, pasif dan malas dalam pentadbiran British di Selangor kepada sebaliknya.

Nota

- ¹ Ahmad Farhan adalah pelajar Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- ² A. E. H. Anson to Carnarvon, 23 June 1877, Colonial Offices (CO) 273/91.
- ³ Minutes of Proceedings-Mixed Council. 1st Meeting Held at Langat, 18th April 1877, Minutes of Selangor Council (MSC) 1486/80 (2986). Dalam pada itu, minit persidangan MMNS yang ditulis oleh Pegawai British didapati tidak teratur dalam susunan bilangan yang diadakan. Sepanjang tempoh pemerintahan Sultan Abdul Samad (1877-1898), bilangan minit persidangan MMNS yang ditulis diadakan sebanyak 122 kali. Namun begitu, bilangan minit persidangan MMNS sebenarnya dijalankan sebanyak 119 kali. Pegawai British didapati membuat kesilapan dalam meletakkan bilangan persidangan yang diadakan bermula 14th July 1882, 31st Meeting of the State Council at the Istana Jugra, MSC 1486/80 (2986), yang sepatutnya persidangan ini adalah kali ketiga puluh dua.
- ⁴ Buyong Adil, 1981. *Sejarah Selangor*. Pulau Pinang: Percetakan Bersatu Prai, pp. 142.
- ⁵ Emily Sadka, 1962. The State Councils in Perak and Selangor, 1877-1895. In: K. G. Tregonning (ed), 1962. *International Conference of Southeast Asian Historians*. Singapore: Journal South-East Asian History, pp. 92-93.
- ⁶ Report by His Excellency the Governor on the Financial Condition and Prospects of the Protected Native States 1877, CO 275/22.
- ⁷ Forwards Copy of Minutes of Council Held at Jugra on 27th December, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUKNSEL) RESIDENT 390/79.
- ⁸ Jagjit Singh Sidhu, 1980. *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, pp. 31.
- ⁹ F. A. Swettenham to Colonial Secretary Straits Settlements, 20 November 1882, PSUKNSEL KL 81A/82, Surat Kuasa Sultan Abdul Samad kepada J. P. Rodger, 17 October 1882, PSUKNSEL KL 81A/82, Colonial Secretary, Straits Settlements, to H. B. M's Resident Salangore, 13 May 1880, PSUKNSEL CS 125/80, J. Innes to H. B. M's Resident Salangore, 7 July 1880, PSUKNSEL MISC 180/80, dan Kapitan China to H. B. M's Resident Salangore, 29 March 1877, PSUKNSEL MISC 115/77.
- ¹⁰ Proclamation by Sultan of Salangore, 10 December 1874, CO 276/5, Straits Settlements Blue Book for the Year 1874, CO 277/8, dan Pemasyhuran Sultan Abdul Samad, 23 Februari 1876, PSUKNSEL LANGAT 1575/88.
- ¹¹ Colonial Secretary Straits Settlements to Resident of Selangor, 29 March 1877, PSUKNSEL CS 116/77, dan J. Innes to W. B. Douglas, 29 June 1880, PSUKNSEL MISC 172/80.
- ¹² Antaranya, sila rujuk Malay of Regulation XV of 1890: Customary Service, 20 March 1891, CO 469/1, Malay of Regulation III of 1892: Vaccination, 29 March 1892, CO 469/2, Regulation No. I of 1893:

- A Regulation to Provide for the Clearing and Maintaining of Footpaths and Covered Ways in Public Streets, 9 January 1893, CO 469/3, Regulation No. III of 1894: The Shipping Lights Regulation, 7 June 1894, CO 469/4, Regulation I of 1895: Regulation to Repeal the Balau Valley Administration Regulation 1893, 30 March 1895, CO 469/5, dan Regulation III of 1896: A Regulation to Consolidate and Amend the Law Relating to the Marriage of Persons Professing the Christian Religion, 21 March 1896, MSC 1486/80 (2986).
- 13 Bermula Oktober 1874, pusat pentadbiran British di Selangor ditetapkan di Pengkalan Batu. Kemudian, pusat pentadbiran ini berpindah ke Kuala Lumpur pada 1880. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Mr. Swettenham's Tour Through the Protected Native States in the Autumn of 1878, CO 882/4 (10), Progress of the Protected Native States During 1880, CO 275/25, dan Malaysia 1976 Buku Rasmi Tahunan, pp. 150, Jabatan Perdana Menteri (JPM) P/PM 3 (40).
 - 14 Gazette Extra Ordinary, 9 February 1898, CO 466/1, dan Annual Report for the Year 1898 on the Federated Malay States, CO 576/1.
 - 15 Minutes of the 94th [89] Meeting of the State Council Held at Jugra on Monday the 7th August 1893, MSC 1486/80 (2986).
 - 16 The Administration of the State of Selangor for the Year 1895, CO 439/1, dan Selangor Administration Report for the Year 1898, CO 439/2.
 - 17 Menurut Henry Conway Belfield, Pemangku Residen British kesepuluh (1897), menyatakan kesihatan Sultan Abdul Samad tidak begitu baik pada 1897. Dalam pada itu, Robert William Duff, Pegawai Daerah Kuala Langat (1897-1898), melaporkan kesihatan Sultan Abdul Samad semakin kritikal pada 22 Januari 1898. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Annual Report of the State of Selangor for the Year 1897, CO 439/2, dan Report of the District Officer Kuala Langat for January 1898, CO 469/8.
 - 18 Minutes of 16th Meeting of Council, PSUKNSEL RESIDENT 392/79.
 - 19 16th Meeting of Council Held at Jugra, 27th December 1879, MSC 1486/80(2986).
 - 20 21st Meeting of Council Held at Jugra on January 15th 1881, MSC 1486/80 (2986).
 - 21 28th Meeting of Council Jugra 1st March 1882, MSC 1486/80 (2986).
 - 22 29th Meeting of Council Jugra 11th March 1882, MSC 1486/80 (2986).
 - 23 30th Meeting of the Mixed Council at Jugra 22nd April 1882, MSC 1486/80 (2986). Untuk maklumat tambahan, Willian Venn Drummond, Pengusaha Perlombongan Bijih Timah Shanghai, memohon konsesi perlombongan bijih timah di Selangor daripada Frederick Aloysius Weld, Gabenor Negeri-negeri Selat (NNS) (1880-1887), pada 15 Februari 1882. Permohonan ini berjaya dan perjanjian antara Sultan Abdul Samad dengan Drummond dilaksanakan sepenuhnya pada Julai 1882. Berdasarkan syarat perjanjian itu, Drummond mendapat seluas 1,000 ekar untuk mengusahakan perlombongan bijih timah di mana-mana daerah Selangor yang dipilih. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam W. V. Drummond to Sir F. Weld, 15 February 1882, PSUKNSEL MISC 78/82, dan Fair Copies of Agreement Between H. H. the Sultan and Mr. W. V. Drummond for Concession to the Latter of Mining Land, 3 July 1882, PSUKNSEL RESIDENT 345/82.
 - 24 Annual Report on the State of Selangor for the Year 1884, CO 275/30, dan School Report for the Year 1884, PSUKNSEL SCHOOLS 208/85.
 - 25 38th [40] Meeting of State Council Held at Jugra on Saturday September 27th 1884, MSC 1486/80 (2986).
 - 26 Sultan Abdul Samad menyenangi dengan Enakmen Perlindungan Imigran India diaplikasikan dalam pentadbiran Selangor. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam 39th [41] Meeting of Council Held at Jugra on Saturday October 18th 1884, MSC 1486/80 (2986), dan Annual Report on the State of Selangor for the Year 1884, CO 275/30.
 - 27 48th [43th] Meeting of the Council Held at Jugra on Saturday, May 23rd 1885, MSC 1486/80 (2986).
 - 28 Minutes of the 75th [70] Meeting of the State Council Held at the Residency Kuala Lumpur on the 15th November 1890, MSC 1486/80 (2986), dan The Administration Report of the State of Selangor for the Year 1890, CO 439/1.
 - 29 Minutes of the 56th [51] Meeting of the State Council Held at Jugra on Saturday July 16th 1887, MSC 1486/80 (2986).

- ³⁰ Sultan Abdul Samad memberi pandangan bahawa Haji Jafar, Kadi Selangor, mempunyai ilmu agama Islam yang tinggi. Di samping itu, Sultan Abdul Samad menyatakan Haji Jafar disukai oleh penduduk tempatan selepas baginda bertanyakan hal beliau kepada penduduk Selangor. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Sultan Abdul Samad to Resident of Selangor, 10 October 1888, PSUKNSEL NATIVE 2927/88.
- ³¹ 48th [43] Meeting of the Council Held at Jugra on Saturday May 23rd 1885, MSC 1486/80 (2986), dan Haji Japar Cadi of Selangor to Resident of Selangor, 28 April 1885, PSUKNSEL MISC 678/85.
- ³² Minutes of the 54th [49] Meeting of the State Council Held at Jugra on Saturday, August 21st 1886, MSC 1486/80 (2986).
- ³³ William Edward Maxwell, Residen British Selangor keempat (1889-1892), membentangkan Peraturan Kod Tanah Baru 1891 pada MMNS ketujuh puluh lima pada 9 April 1891. Untuk keterangan lanjut lihat dalam Minutes of the 80th Meeting of the State Council Held at the Residency Kuala Lumpur the 9th Day of April 1891, MSC 1486/80 (2986). Untuk keterangan lanjut mengenai isi kandungan Peraturan Kod Tanah Baru 1891, sila lihat dalam Rules Under “The Land Code, 1891”, 1 March 1892, CO 469/2. Untuk pengenalan Peraturan Kod Tanah Baru, sila lihat dalam Straits Settlements Legislative Council Paper Regarding Administration of the Native States, SP 16/7 (3), Dudley Francis Amelius Hervey, Cecil C. Smith to the Lord Knutsford, 28 March 1891, CO 273/173, The Commissioner of Lands to the Colonial Secretary, 9 April 1883, CO 275/28, dan Jomo, 1988. *Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 98-151. Untuk perselisihan faham mengenai peraturan tanah antara Frank Athelstane Swettenham, Residen British Selangor ketiga (1883-1889), dan Maxwell, sila lihat dalam Report on the Land Department of the State of Selangor, 27 September 1890, CO 273/173, Appendix to Minute of British Resident Perak, on the Proposed Perak Land Code, by F. A. Swettenham, 13 June 1894, CO 273/197, Lim Teck Ghee, 1976. *Origins of a Colonial Economy: Land and Agriculture in Perak 1874-1897*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, pp. 14-25 dan H. S. Barlow, 1995. *Swettenham*. Kuala Lumpur: Southdene Sdn. Bhd., pp. 407-435. Dalam pada itu, Swettenham merupakan Pegawai British yang pertama memperkenalkan Peraturan Tanah di Selangor berkuat kuasa 30 Oktober 1882 (William Bloomfield Douglas, Residen British Selangor kedua (1877-1882), turut memperkenalkan Peraturan Tanah di Selangor pada 1879 tetapi tidak diluluskan oleh Gabenor NNS kerana draf itu tidak sampai ke Pejabat Gabenor NNS). Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Land Regulations of the State of Selangor, 17 November 1882, CO 276/13, D. D. Daly to Klang Office, 11 June 1879, PSUKNSEL C. S. 195/79, dan B. Douglas to the Colonial Secretary Straits Settlements, 28 February 1879, PSUKNSEL RESIDENT 68/79.
- ³⁴ Minutes of 82nd Meeting of the State Council Held at Jugra on Saturday 13th June 1891, PSUKNSEL 426/91.
- ³⁵ 35 [37] Meeting of State Council Held at the Istana Bukit Jugra on Sunday 2nd September 1883, MSC 1486/80 (2986).
- ³⁶ 49th [44] Meeting of Council Held at Jugra on Saturday September 12th, MSC 1486/80 (2986).
- ³⁷ Minutes of the 53rd [48] Meeting of the State Council Held at Jugra on Thursday, April 29th 1886, MSC 1486/80 (2986).
- ³⁸ Minutes of State Council Meeting Held at Jugra on the 21st Instant, PSUKNSEL KL 1780/86.
- ³⁹ Minutes of the 55th [50] Meeting of the State Council, Held at Jugra on Saturday, November 27th 1886, MSC 1486/80 (2986).
- ⁴⁰ Minutes of the 112th [107] Meeting of the State Council Held at Jugra on the 13th June 1896, MSC 1486/80 (2986).
- ⁴¹ J. P. Rodger to Government Secretary, 25 December 1896, PSUKNSEL RESIDENCY 6761/1896, dan District Officer Kuala Langat to Government Secretary, 4 January 1897, PSUKNSEL RESIDENCY 6761/1896.
- ⁴² Minutes of the 81st Meeting of the State Council Held at Jugra on Friday 8th May 1891, MSC 1486/80 (2986).
- ⁴³ Minutes of the 88th [83] Meeting of the State Council Held at Jugra on the 19th September 1892, MSC 1486/80 (2986). Untuk keterangan lanjut mengenai perselisihan faham antara Golongan Pembesar Pahang menentang British, sila lihat dalam Annual Report on the State of Pahang for the Year 1890,

- CO 437/1, Annual Report on the State of Pahang for the Year 1891, CO 437/1, Annual Report on the State of Pahang for the Year 1892, CO 437/1, Annual Report on the State of Pahang for the Year 1893, CO 437/1, Annual Report on the State of Pahang for the Year 1894, CO 437/1, Annual Report on the State of Pahang for the Year 1895, CO 437/1, W. Linehan, 1973. *A History of Pahang*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, pp. 90-100, Noriah Sulong, 1996. Dato' Bahaman: Orang Kaya Setia Perkasa. Dalam: Norazit Selat (Editor), 1996. *Pahang: Dulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia d/a Jabatan Muzium dan Antikuiti, pp. 5-34, Abdullah Zakaria bin Ghazali, 2008. Sultan Ahmad Muazzam Shah dan Pentadbiran Pahang, 1895-1914. *Purba* 27. Kuala Lumpur: Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, pp. 146-148 dan Aruna Gopinath, 1993. *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 127-165.
- ⁴⁴ 35 [37] Meeting of State Council Held at the Istana Bukit Jugra on Sunday 2nd September 1883, MSC 1486/80 (2986).
- ⁴⁵ Annual Report on the State of Selangor for the Year 1886, CO 275/32, Collector and Magistrate Ulu Selangor to the Acting British Resident, 10 October 1886, PSUKNSEL US 2081/86, Collector and Magistrate to Resident Selangor, 8 August 1887, PSUKNSEL KL 1838/87, Chief Clerk to Rodger, 15 August 1887, PSUKNSEL KL 1838/87, dan Resident Selangor to Collector and Magistrate Ulu Selangor, 26 January 1888, PSUKNSEL KL 300/88.
- ⁴⁶ Minutes of the 112th [107] Meeting of the State Council Held at Jugra on the 13th June 1896, MSC 1486/80 (2986), dan Residen of Selangor to Acting District Officer Ulu Langat, 19 June 1896, PSUKNSEL ULU LANGAT 3087/1896.
- ⁴⁷ 40th [42] Meeting of the State Council Held at Jugra on Monday, February 16th 1885, MSC 1486/80 (2986).
- ⁴⁸ Minutes of the 55th Meeting of the State Council, Held at Jugra on Saturday, November 27th 1886, MSC 1486/80 (2986).
- ⁴⁹ Minutes of the 112th [107] Meeting of the State Council Held at Jugra on the 13th June 1896, MSC 1486/80 (2986).
- ⁵⁰ Minutes of the 117th [112] Meeting of the State Council Held at Jugra on Saturday the 27th March 1897, MSC 1486/80 (2986).
- ⁵¹ 48th [43] Meeting of the Council Held at Jugra on Saturday, May 23rd 1885, MSC 1486/80 (2986), dan Annual Report on the State of Selangor for the Year 1885, CO 275/31.
- ⁵² Extract from Minutes of Council Meeting Held at Jugra on 30th January 1886, PSUKNSEL K. LANGAT 3655/91.
- ⁵³ 52nd [47] Council Held at Jugra on Saturday 30th January 1886, MSC 1486/80 (2986).
- ⁵⁴ Minutes of the 54th Meeting of the State Council Held at Jugra on Saturday, August 21st 1886, MSC 1486/80 (2986).
- ⁵⁵ Raja Nosah kepada Residen Selangor, 17 Ogos 1886, PSUKNSEL LANGAT 1788/86.
- ⁵⁶ Proceedings of State Council Held at Jugra on the 21st Day of August 1886, PSUKNSEL LANGAT 1806/86, dan J. P. Rodger to Treasurer, Audit Clerk, Collector Kuala Langat, 23 August 1886, PSUKNSEL LANGAT 1788/86.
- ⁵⁷ 56-Meeting of the State Council Held at Jugra on Saturday July 16th 1887, PSUKNSEL KL 1853/87.
- ⁵⁸ Minutes of the 53rd Meeting of the State Council Held at Jugra on Thursday April 29th 1886, PSUKNSEL KL 939/86.
- ⁵⁹ Dato' Kaya Klang Mohamed Ali mempunyai lima anak: Dato' Kaya Klang Baduk; Puteh; Rukiah (Gaia); Lembut; dan Majid. Untuk keterangan lanjut, Sultan Abdul Samad to the Resident of Selangor, 12 March 1883, PSUKNSEL KL 342/83.
- ⁶⁰ Minutes of the 113th [108] Meeting of the State Council Held at Jugra on Saturday the 26th September 1896, MSC 1486/80 (2986).

Rujukan

Sumber Pertama

- Colonial Office (CO) 273, Straits Settlements: Original Correspondence.
CO 275, Straits Settlements: Sessional Papers.
CO 276, Straits Settlements: Government Gazette.
CO 277, Straits Settlements: Miscellanea.
CO 437, Pahang Sessional Papers.
CO 439, Selangor Sessional Papers.
CO 466, Pahang Government Gazette.
CO 469, Selangor Government Gazette.
CO 576, Federated Malay States Sessional Papers.
CO 882, Confidential Print: Eastern, 1847-1952.
Minutes of Selangor Council (MSC) 1486/80 (2986).
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUKNSEL).
Surat Persendirian (SP) 16, Dudley Francis Amelius Hervey.

Sumber Kedua

- Abdullah Zakaria bin Ghazali, 2008. Sultan Ahmad Muazzam Shah dan Pentadbiran Pahang, 1895-1914. *Purba* 27. Kuala Lumpur: Jurnal Persatuan Muzium Malaysia.
- Aruna Gopinath, 1993. *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barlow, H. S., 1995. *Swettenham*. Kuala Lumpur: Southdene Sdn. Bhd.
- Buyong Adil, 1981. *Sejarah Selangor*. Pulau Pinang: Percetakan Bersatu Prai.
- Chew, Ernest, 1966. The First State in the Protected Malay States. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 39(1). Singapore: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Gullick, J. M., 1998. *A History of Selangor 1766-1939*. Kuala Lumpur: Falcon Press.
- Gullick, J. M., 1972. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jagjit Singh Sidhu, 1980. *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Jomo, 1988. *Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Teck Ghee, 1976. *Origins of a Colonial Economy: Land and Agriculture in Perak 1874-1897*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Linehan, W., 1973. *A History of Pahang*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Noriah Sulong, 1996. Dato' Bahaman: Orang Kaya Setia Perkasa. Dalam: Norazit Selat (Editor), 1996. *Pahang: Dulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia d/a Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Sadka, Emily, 1968. *The Protected Malay States, 1874-1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sadka, Emily, 1962. The State Councils in Perak and Selangor, 1877-1895. In: K. G. Tregonning (ed), 1962. *International Conference of Southeast Asian Historians*. Singapore: Journal South-East Asian History.

- Wilkinson, R. J., 1932. *A History of the Peninsular Malays with Chapters on Perak & Selangor*. Singapore: Kelly & Walsh Limited.
- Winstedt, Richard Olof, 1934. A History of Selangor. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 7(3). Singapore: Printers Limited.